

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TAN SRI DATO SRI WILLIAM MAWAN IKOM [ SARATOK ]

**TARIKH :** 27.11.2014

**SOALAN :**

**Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [ Saratok ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) apakah mekanisme keselamatan yang telah dirancang oleh Kementerian untuk mengelakkan insiden penyalahgunaan kuasa dan sabotaj dalam kalangan penjawat awam; dan
- (b) adakah Kementerian akan mengkaji Tatacara Pengendalian Piaawai (SOP) penyediaan kertas peperiksaan untuk memastikan insiden kebocoran kertas soalan tidak berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sebarang tindakan disiplin terhadap penyalahgunaan kuasa dan sabotaj dalam kalangan penjawat awam yang diambil adalah bergantung kepada siasatan pihak berkuasa terlebih dahulu. Jika didapati terdapat pegawai awam yang terlibat, tindakan boleh diambil secara tindakan perundangan atas kesalahan jenayah dan tindakan tatatertib akan menyusul sebaik mendapat keputusan sabitan hukuman kes pegawai. Tindakan tegas akan diambil terhadap pegawai-pegawai awam mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Am (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Peraturan-peraturan yang dirujuk adalah seperti berikut:

- 1) Peraturan 4 (2) (c) Seseorang pegawai tidak boleh berkelakuan dengan apa-apa cara yang mungkin menyebabkan syak yang munasabah bahawa dia telah membiarkan kepentingan peribadinya bercanggah dengan tugas awamnya sehingga menjasakan kebergunaannya sebagai seorang pegawai awam atau dia telah menggunakan kedudukan awamnya bagi faedahnya sendiri;
- 2) Peraturan 4 (2) (d) Seseorang pegawai tidak boleh Berkelakuan dengan sedemikian cara sehingga boleh memburukkan nama baik perkhidmatan awam;
- 3) Peraturan 4 (2) (f) Seseorang pegawai tidak boleh tidak jujur atau tidak amanah; dan
- 4) Peraturan 4 (2) (g) Seseorang pegawai tidak boleh tidak bertanggungjawab.

Jenis hukuman tatatertib yang boleh dikenakan adalah berdasarkan kepada Peraturan 38, seperti berikut:

- 1) Amaran;
- 2) Denda;
- 3) Lucuthak emolumen;
- 4) Turun gaji;
- 5) Turun pangkat;
- 6) Buang kerja.

Pihak Berkuasa Tatatertib (PBTT) boleh mengenakan mana-mana satu atau apa-apa kombinasi dua atau lebih hukuman tatatertib di atas satu pertuduhan. PBTT mempunyai budi bicara untuk menimbangkan hukuman yang sesuai dengan kesalahan yang dilakukan dan setiap kes diputuskan atas "merit".

Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Timbalannya telah diambil tindakan secara pentadbiran iaitu digantung tugas sehingga siasatan selesai. Beberapa individu lain termasuk penjawat awam telah ditahan oleh pihak berkuasa untuk membantu siasatan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bebas untuk mengenal pasti kelemahan dan ruang-ruang ketirisan pengurusan dan pengendalian kertas peperiksaan yang boleh dimanipulasi oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab. Jawatankuasa ini dipertanggungjawabkan untuk meneliti semula Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi pengendalian dan pengurusan peperiksaan awam serta proses kerja berkaitan, dan seterusnya menyediakan cadangan penambahbaikan yang bersesuaian.

Di samping itu, KPM juga mengetatkan lagi semua aspek keselamatan di setiap peringkat pengurusan peperiksaan awam. Setiap individu yang terlibat secara langsung dalam proses pengurusan peperiksaan perlu menjalani tapisan keselamatan dan diwajibkan menandatangani surat Akuan Akta Rahsia Rasmi 1972 seperti mana yang ditetapkan dalam SOP sedia ada. Perkara ini akan dipantau dengan lebih ketat agar integriti dan keselamatan bahan peperiksaan benar-benar terjamin. Termasuk memberi taklimat keselamatan mengenai pengurusan dan pengendalian bahan peperiksaan seperti yang ditetapkan oleh SOP secara

berterusan bagi menjamin integriti semua pihak terlibat di tahap terbaik.

KPM sentiasa memandang serius terhadap sebarang insiden yang berlaku dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Namun, apa yang ingin ditegaskan adalah faktor kemanusiaan **yang melibatkan integriti individu** yang terlibat untuk menjamin semua langkah-langkah yang dilaksanakan dapat membendung perkara ini dari berulang.

RJM170